



# MAJU BERSAMA M<sup>3</sup>

M<sup>3</sup> ialah usaha kerjasama antara **Muis**, **MENDAKI** and **MESRA**.

Ia bertujuan untuk membina sebuah masyarakat yang berjaya dengan:

1. Memberi bantuan tahap perkhidmatan akhir bagi program sosial dan pendidikan untuk keluarga yang memerlukan
2. Memenuhi keperluan dan aspirasi masyarakat Melayu/Islam
3. Menggalakkan individu untuk tampil memberi bantuan dan menyokong program masyarakat yang berkesan
4. Menyatukan para karyawan dan pemimpin masyarakat untuk menyumbang kembali di kejiranan, serta mengukuhkan hubungan keluarga dan generasi akan datang

## TIGA BIDANG TUMPUAN



**Perkahwinan, Keibubapaan dan Pembangunan Awal Kanak-Kanak** dengan memupuk asas kukuh bagi keluarga di peringkat awal. Ini dicapai melalui persiapan bagi alam rumah tangga, pemakanan sihat, pembangunan kognitif, dan kemahiran mengira untuk siap ke darjah 1

**Individu dan Keluarga yang memerlukan** dengan memperkuatkannya jangkauan kepada keluarga dan anak-anak banduan sewaktu dalam tahanan dan setelah dibebaskan

**Memperkasa dan membimbing belia kita** dengan memupuk budaya kecemerlangan, dengan menghubungkan belia dengan mentor dan contoh teladan dalam masyarakat

## M<sup>3</sup>@WGS

Pejabat di Wisma Geylang Serai (Tingkat 2) ini ialah pusat sehenti untuk menghubungkan masyarakat kepada tahap perkhidmatan terakhir. Dengan kerjasama 8 badan Melayu/Islam di KURNIA@WGS, pejabat ini juga merupakan pusat maklumat dan rujukan bagi masyarakat.

## M<sup>3</sup>@BANDAR

M<sup>3</sup>@Bandar ialah wadah bagi para sukarelawan dan karyawan untuk bekerjasama dan memenuhi keperluan penduduk pada tahap perkhidmatan terakhir. Ini juga membuka peluang kepada sesiapa yang ingin menjadi sukarelawan di kejiranan mereka, tidak mengira latar belakang dan kebolehan.



## DI MANAKAH M<sup>3</sup>@BANDAR?

### 8 M<sup>3</sup>@Bandar:

- |                     |                     |
|---------------------|---------------------|
| 1 Tampines          | 5 Jurong            |
| 2 Pasir Ris-Punggol | 6 Marsiling-Yew Tee |
| 3 Bedok             | 7 Nee Soon          |
| 4 Chua Chu Kang     | 8 Woodlands         |



AYUH JADI SUKARELAWAN!

## First M<sup>3</sup> initiative – KelasMateMatika@CC (KMM@CC)

Program pembelajaran 10 minggu ini bertujuan untuk mengukuhkan kemahiran mengira kanak-kanak prasekolah dan keyakinan ibu bapa dalam mempersiapkan anak mereka untuk melangkah masuk ke darjah 1. Sejak dilancarkan pada September 2018, KMM@CC telah memberi manfaat kepada lebih 300 ibu bapa dan kanak-kanak. Pada 2019, M<sup>3</sup> merancang untuk meluaskan jangkauan KMM@CC untuk memberi manfaat kepada 1,500 ibu bapa dan kanak-kanak.

